



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SATU TAHUN 2024  
SMK Chung Hua (CF) Miri**



**BAHASA MELAYU TINGKATAN 5**

**KERTAS 1**

**Ogos**

**2 jam**

**1103/1**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua bahagian**, iaitu **Bahagian A**, dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*
4. ***Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

**BAHAGIAN A**


[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 30 minit]

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan e-dompet.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang e-dompet.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.



KUALA LUMPUR: Perkhidmatan e-dompet Touch 'n Go (TNG) berdepan gangguan disebabkan oleh isu teknikal. "Kami sedang menghadapi masalah teknikal pada masa ini dan sedang menyelesaikan masalah tersebut.

BH 17 Mei 2023

## BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

- 1 Langkah kerajaan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai syarat wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013 bukan untuk membebankan pelajar, sebaliknya bertujuan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai sejarah negara. Menteri Pendidikan kedua Datuk Seri Idris Jusoh berkata, langkah itu sebagai usaha untuk mendidik pelajar menjadi warganegara yang baik. “Bukan niat kita untuk tidak meluluskan mereka, kita memang berniat meluluskan mereka tetapi setidak-tidaknya biarlah mereka tahu asas sejarah negara.”

*astroawani.com:* Syarat wajib lulus Sejarah  
bukan untuk membebankan pelajar.

Berita di atas tentang syarat wajib lulus subjek Sejarah dalam peperiksaan SPM yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013 merupakan langkah wajar untuk mendidik generasi akan datang agar lebih mengenali nilai sejarah negara dan mempunyai semangat patriotik yang tinggi.

Bincangkan kepentingan pendidikan sejarah kepada rakyat dan negara.

- 2 Pengangkutan awam merupakan sistem kenderaan bermotor seperti teksi, bas, monorel dan kereta api yang boleh digunakan di kawasan tertentu dengan kadar tambang yang telah ditetapkan. Pengangkutan awam yang sistematik akan mempercepat masa perjalanan dan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya. Pada masa yang sama, pengangkutan awam dapat mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*hmetro.com.my*

Petikan di atas berkaitan dengan kebaikan pengangkutan awam di dalam negara.

Berikan ulasan anda tentang petikan tersebut.

3. Perpaduan dalam kalangan masyarakat boleh dieratkan menerusi semangat kejiranan. Sudah sekian lama kerajaan menyeru agar semangat kejiranan diperkuuh terutama di kawasan bandar dengan pelbagai kaedah. Sudah sampai masanya ketua-ketua penduduk di sesuatu kawasan memainkan peranan yang lebih efisien agar matlamat ini tercapai.

Sumber: Internet

Anda mendapati sikap mementingkan diri sendiri dan tidak menghiraukan jiran tetangga menjadi masalah besar dalam kalangan penduduk di kawasan kejiranan anda. Oleh itu, anda merasakan bahawa hubungan kejiranan di kawasan tersebut mesti ditingkatkan supaya menjadi lebih baik.

Cadangkan langkah-langkah untuk menangani masalah kejiranan di kawasan anda itu.

4.

#### **Syair Remaja dan Internet**

Sedikit masa bersama keluarga,  
habis diguna bersuka ria,  
siang dan malam tidak dikira,  
masa dibazir begitu sahaja.

Jalurnya lebar sukar dikawal,  
banyak maklumat dapat dikenal,  
salah sendiri berotak nakal,  
budaya Barat makin terkenal.

Semua maklumat semakin hampir,  
rahsia kini semakin mampir,  
penggodam bijak sudah memikir,  
senang ditipu si sebalik tabir.

**Daniel**

Kulim, 2024

Syair di atas memperkatakan kesan-kesan Internet kepada remaja.

Huraikan kesan-kesan tersebut.